



EDISI
مايس

www.mais.gov.my

**2022
BERSEDIA ATAU
MENGALAH?**

**PERANCANGAN
2022**

**KUIS Menggalas
Tanggungjawab
Pendidikan Ummah**

Ms 5



Kata-Kata Hikmah

"Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik."

Dr. Che Mad

**Bait Al-Mawaddah -
Pusat Jagaan
Warga Emas**

Ms 8

**HADHANAH:
Hak Penjagaan
Kanak-Kanak**

Ms 9



**“Halal, Adakah
Hanya Pada
Simbol?”**

Ms 17

Fidyah

Apa itu FIDYAH?

Sesuatu yang dibayar untuk menebus diri, baik berbentuk harta atau tindakan lain yang dilakukan kerana kekurangan dalam salah satu amal ibadah.

Sebab Perlu Menunaikan Pembayaran FIDYAH?

- ◆ Meninggalkan puasa kerana **tua**
- ◆ Meninggalkan puasa kerana **sakit kronik**
- ◆ Meninggalkan puasa kerana **hamil**
- ◆ Meninggalkan puasa kerana **menyusukan anak**
- ◆ Meninggalkan puasa kerana **musafir** atau **sakit** dan **tidak qada'** puasa pada tahun ia ditinggalkan
- ◆ **Melambatkan ganti puasa (qada')**
- ◆ **Orang yang telah meninggal dunia**

TUNAIKAN FIDYAH

DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR dengan melayari laman sesawang :

<http://fpx.mais.gov.my/epay/fidyah.php>

di kaunter Baitulmal MAIS atau di Baitulmal Daerah

Kiraan FIDYAH?

Fidyah bagi satu hari puasa yang ditinggalkan termasuk upah sama ada **RM2.00** atau **RM4.00** atau **RM6.00** mengikut jenis beras yang dimakan.

Contoh kiraan TIDAK BERGANDA:

Jika seseorang meninggalkan puasa sebanyak 7 hari selama 3 tahun secara berturut-turut dan tidak menggantikannya iaitu pada tahun 2019 hingga 2021, kadar fidyahnya adalah seperti berikut:

$$7 \text{ hari} + 7 \text{ hari} + 7 \text{ hari} \times \text{RM2.00} = \text{RM42.00}$$

TAHUN	BIL HARI	BIL TAHUN (TIDAK DIGANDAKAN)	JUMLAH HARI
2019	7	-	
2020	7	-	21
2021	7	-	
JUMLAH HARI YANG PERLU DIBAYAR FIDYAH			21 HARI

Contoh kiraan BERGANDA:

Jika seseorang meninggalkan puasa sebanyak 7 hari selama 3 tahun secara berturut-turut dan tidak menggantikannya iaitu pada tahun 2019 hingga 2021, kadar fidyahnya adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & 7 \text{ hari} \times 3 \text{ Tahun} + 7 \text{ hari} \times 2 \text{ Tahun} + 7 \text{ hari} \times 1 \text{ Tahun} \\ & \times \text{RM2.00} = \text{RM84.00} \end{aligned}$$

TAHUN	BIL HARI	BIL TAHUN (DIGANDAKAN)	JUMLAH HARI (BIL HARI \times BIL TAHUN)
2019	7	3	21
2020	7	2	14
2021	7	1	7
JUMLAH HARI YANG PERLU DIBAYAR FIDYAH			42 HARI

Pembayaran fidyah di Selangor diharuskan menggunakan **2 kaedah** iaitu:

- Gandakan fidyah mengikut tahun
- Tidak gandakan kadar pembayaran fidyah

(Fatwa Negeri Selangor, 2001)



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Noormala binti Mohd Saad

PENGARANG
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

KOLUMNIS
Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin
Shahrul Effendy bin Md Saat



Dengan Kerjasama:

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

MAIS: ANTARA PENCAPAIAN 2021 DAN VISI 2022

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Sabtu tahun, Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan menyampaikan ucaptama yang disebut sebagai Perutusan Tahun Baru. Kali ini, EDISI sempat menyorot intipati utama ucapan berkenaan untuk tatapan pembaca sekalian. Ia dipersembahkan dalam bentuk dialog agar lebih mudah difahami.

Edisi: Apakah yang boleh disimpulkan oleh Tan Sri tentang tahun 2021?

Tan Sri: Sangat mencabar. Dugaan dan cabaran kali ini sangat hebat. Kita terus terkekang dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) gara-gara COVID-19. Belum pun selesai isu COVID-19, kita berhadapan pula dengan banjir besar. Banyak pihak yang terkesan dan bukan sedikit kerugian yang ditanggung. Semua ini menjadi cabaran besar bagi MAIS dan seluruh anak syarikatnya di tahun 2021.

Namun, jujurnya saya kagum dengan kerjasama semua pihak. Kita saling berganding bahu untuk tekun membantu. Baik mendepani pandemik COVID-19 mahu pun banjir, bantuan kewangan dan tenaga kita hulurkan dengan konsisten. Alhamdulillah, untuk banjir sahaja sebanyak RM38.1 juta telah disalurkan. Bantuan COVID-19 pula, lebih RM70 juta telah disalurkan.

Edisi: Bagaimana pula dengan prestasi MAIS dan anak-anak syarikat sepanjang tahun 2021?

Tan Sri: Saya fikir, tidak ada orang boleh menafikan bahawa COVID-19 telah membadi bak tsunami seluruh muka bumi. Ia hampir meranapkan ekonomi dunia termasuklah Malaysia. Namun begitu, apa yang membanggakan saya ialah, keadaan yang sebaliknya telah berlaku kepada MAIS dan seluruh jajaran agensi di bawahnya.

Realitinya, MAIS dan seluruh anak syarikatnya terus konsisten mencipta keberhasilan, khususnya dalam bidang ekonomi dan sosial. Bukti, telah berlaku peningkatan kutipan dan agihan bantuan yang luar biasa di MAIS dan seluruh anak syarikat, baik dalam aspek zakat, wakaf, fidyah dan sebagainya.

Edisi: Bolehkah Tan Sri perincikan?

Tan Sri: Ringkasnya begini. Kutipan fidyah oleh MAIS bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM9.1 juta, ia naik RM2.8 juta atau 40 peratus dari tahun 2020. Ini sesuatu yang luar biasa.

Demikian juga kutipan zakat. Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai subsidiari MAIS merekodkan kutipan luar biasa pada



tahun 2021, iaitu RM992 juta. Jumlah ini melebihi RM79 juta dari tahun 2020. Bayangkan, hanya kurang RM8 juta untuk mencapai RM1 billion. Saya yakin tahun 2022 ini, ia akan mencecah RM1 billion, insya Allah.

Selain kutipan, LZS juga memastikan agihan zakat berjalan seiring. Hasilnya, tahun 2021 sebanyak RM919 juta telah diagihkan, dan ia melebihi RM52 juta berbanding tahun 2020.

Begitu juga kutipan wakaf melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) turut mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan. Sungguh pun dalam era pandemik, PWS berjaya mengutip sebanyak RM56.6 juta sepanjang tahun 2021, meningkat dari tahun 2020 yang hanya berjaya membuat kutipan sebanyak RM34.9 juta.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga telah berjaya meningkatkan bilangan persijilan halal di Negeri Selangor sebanyak 4,318 sijil pengesahan halal, dengan keseluruhan kutipan sebanyak RM3.4 juta.

Kesimpulannya, saya melihat bahwa peningkatan ketara dalam kutipan pelbagai agensi di bawah MAIS ini termasuk di JAIS, ia

sebenarnya membuktikan bahawa umat Islam semakin peka terhadap budaya kehidupan bersyariat dan sekaligus menjadi tanda bahawa mereka juga amat menjaga kebaikan sesama umat Islam. Semua ini amat besar maknanya di kala kita masih berhadapan dengan pelbagai ujian, khususnya COVID-19 yang masih belum reda.

Edisi: [Bagaimana dengan strategi dan hala tuju MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS 2022?](#)

Tan Sri: Saya melihat harus ada pelarasan semula dan penambahbaikan, seiring dengan keperluan semasa. Untuk itu, MAIS telah meluluskan Strategi Bajet 2022 dengan tema 'Pengukuhan Ekonomi dan Sosial', yang lebih menepati keperluan. Bajet ini disokong oleh tiga strategi dan diperkuuhkan dengan 12 inisiatif. Tiga strategi berkenaan dikenali sebagai:



Pemulihan dan Pengukuhan
Prihatin Ummah
Pemerkasaan Perkhidmatan



PELAN STRATEGIK MAIS 2020-2024

STRATEGI 1

Pemulihan dan Pengukuhan, ia fokus kepada agenda pengukuhan dan kestabilan ekonomi dan kewangan dalam memastikan kelangsungan operasi MAIS, agensi dan anak syarikat MAIS.

STRATEGI 2

Prihatin Ummah, ia memberi tumpuan kepada pendekatan yang proaktif dan inovatif dalam menyantuni ummah.

STRATEGI 3

Pemerkasaan Perkhidmatan, MAIS merancang menyediakan perkhidmatan berinovasi bagi memastikan sistem perkhidmatan sentiasa relevan, dipercayai dan berkesan.

Edisi: [Akhirnya, apakah harapan Tan Sri terhadap tahun 2022 ini?](#)

Tan Sri: Saya amat berharap semua pihak melihat segala bentuk ujian atau musibah yang datang kepada kita dengan pandangan hikmah. Hakikatnya, banyak perkara yang kita dapat sama-sama tekuni di sebalik hikmah yang menghimpit. Paling jelas, musibah ini menyebabkan kita kembali menekur dahi ke tikar sejадah. Sedar bahawa kita tiada keupayaan, melainkan semuanya dalam genggaman dan keizinan Allah SWT.

Saya juga berharap, semua pihak khususnya warga MAIS dan seluruh agensi berkaitan, marilah kita sama-sama berazam untuk terus meningkatkan produktiviti kerja dengan lebih efektif dan efisien di dalam semua perkara. Tingkatkan kualiti disiplin diri, menepati masa, menanam minat untuk terus menuntut ilmu dan tidak lupa, mengutamakan perkhidmatan pelanggan yang baik dan berkesan.

Semoga 2022 ini menjadi tahun yang lebih gemilang bagi MAIS, anak syarikat dan seluruh agensi atau jabatan berkaitan agama Islam di negeri Selangor ini, amin. [Edisi](#)



KUIS MENGGALAS TANGGUNGJAWAB PENDIDIKAN UMMAH

Oleh: Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

27 Tahun Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyelusuri perjalanan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam di persada dunia pendidikan negara. Pusat pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta pusat penyelidikan dan inovasi di dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan ummah demi melahirkan generasi para Da'i, Ulama dan Umara.

KUIS dengan sinergi yang padu di antara Majlis Agama Islam Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor bergerak maju di dalam memacu pendidikan ummah khususnya di Negeri Selangor Darul Ehsan dengan tekad menjunjung ketinggian ilmu dan menjulang darjat serta kesantunan peradaban Bangsa, Agama dan Negara ke arah pembinaan negara *Baldatun Tayyibatul Wa Rabbul Ghaffor*.

Di bawah kepimpinan YBhg Prof Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, KUIS terus mengorak langkah melalui Pelan Strategik KUIS 2019-2023 bertekad meneruskan kelangsungan gagasan sebuah Universiti penuh berpaksikan motto Peneraju Tradisi Ilmu menuju kecemerlangan dan memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi Islam secara agresif dan proaktif berorentasikan wakaf dalam melahirkan mahasiswa yang berakhlik, berintegriti, berdaya saing dan kompetitif dalam arus ledakan IR 4.0.

KUIS menawarkan kepada lepasan SPM, STPM, STAM dan Diploma untuk menyambung pengajian di Peringkat Matrikulasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Sebanyak 83 program telah mendapat kelulusan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) memenuhi standard dan piawaian yang telah ditetapkan. Sehingga kini KUIS telah berjaya melahirkan

25,475 graduan yang sedang berbakti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Eksistensi KUIS dengan penyediaan landskap pengajian akademik kontemporari 'employability' dan 'marketability' meliputi pelbagai bidang pengajian dan disiplin ilmu berteraskan tauhid memenuhi keperluan zaman seiring dengan "niche" Islam menepati halatuju pendidikan Islam dan Dasar Pendidikan Negara melalui pembangunan kurikulum dan kolarikulum yang berteraskan ilmu naqli (*revealed knowledge*) dan ilmu aqli (*acquired knowledge*).

KUIS secara tuntasnya membentuk mahasiswa sebagai *agent of change* yang menjadi aset negara yang amat berharga dan menjadi pelapis generasi pemimpin *futuristik* dan *itqan*. Pemerkasaan program pembangunan sahsiah yang holistik, prinsip persekitaran (*bi'ah*) yang solehah, pembangunan iklim Dini, ikutan yang baik (*qudwah hasanah*), program khidmat ummah dan Masjid Al Azhar sebagai nadi kehidupan mahasiswa sangat diutamakan di dalam memantapkan usaha melahirkan mahasiswa KUIS yang cemerlang dari segi akademik dan akhlak yang terpuji. Usaha ini didokong oleh saf para Pensyarah serta Warga kerja KUIS yang memiliki roh dan jiwa sebagai *mudarris, mu'allim, muaddib, murabbi, dan mursyid*.

Sokongan dan dokongan daripada para pemimpin, para Ibu bapa dan komuniti amat diharapkan untuk KUIS terus memartabatkan pendidikan Islam kepada ummah memenuhi tuntutan fardhu kifayah dengan meletakkan ketinggian ilmu sebagai asas pembangunan insan dan kemajuan negara. Sesungguhnya wajah negara pada masa akan datang adalah wajah generasi muda pada hari ini. Semoga Allah sentiasa memberkati KUIS. #kamipilihkuis #jommasukkuis.

Edisi

PROGRAM PENGAJIAN KUIS	Program PhD	Program Sarjana	Program Sarjana Muda	Program Diploma	Program Matrikulasi	TOTAL PROGRAM
	7	22	27	21	6	83

FAKULTI /PUSAT PENGAJIAN KUIS

Fakulti Pengajian Peradaban Islam(FPPI)

Fakulti Pengurusan Muamalah. (FPM)

Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM)

Fakulti Pendidikan(FP)

Fakulti Syariah dan Undang-Undang(FSU)

Pusat Matrikulasi (PA)

Pusat Pengajian Siswazah (PPS)

PUSAT PENYELIDIKAN KUIS

Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RIMC)

Institut Kajian Hadis Dan Akidah (INHAD)

Pusat Pendidikan Icesco Di Malaysia (ICESCO)

Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi & Kewangan Islam (IFCIEF)

Pusat Matrikulasi (PA)

Pusat Pengajian Siswazah (PPS)

TAUBATNYA SEORANG LGBT

Oleh: Mohd Hafiz bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Isu LGBT telah menarik perhatian rakyat Malaysia. Ia mungkin satu pengalaman baru bagi sesetengah, namun di Barat, isu tuntutan hak golongan LGBT bukan lagi sesuatu yang baru malah dilihat jumlah dan kadar simpati kepada golongan turut meningkat.

Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) lebih membimbangkan apabila sebahagian daripada mereka adalah golongan terpelajar dan profesional. Justru mereka perlu dibantu secara bijaksana agar mereka kembali kepada fitrah dan acuan Islam yang sebenar. Artikel ini akan mengupas dan membincangkan keperluan dalam memberi kesedaran serta mengupas beberapa isu fiqh untuk mereka kembali semula dalam keadaan fitrah.

Dalam disiplin ilmu psikologi, perlakuan seks didefinisikan sebagai perilaku yang menggambarkan ekspresi dengan wujudnya unsur *erotisme*. *Erotisme* adalah kemampuan secara sedar dalam mengalami hasrat terhadap dorongan seks, orgasme atau keadaan lain yang menyenangkan berkaitan dengan seksual. Persoalannya bagaimana seharusnya muslim menangani masalah orientasi seksual yang tidak normal? Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “Seorang lelaki tidak boleh melihat aurat sesama lelaki, dan seorang perempuan tidak boleh melihat aurat sesama perempuan. Seorang lelaki tidak boleh tidur dengan lelaki yang lain dalam satu selimut, dan seorang perempuan tidak boleh tidur dengan perempuan yang lain dalam satu selimut” (Hadis Riwayat Muslim)

Setiap individu diberikan kebebasan oleh Allah untuk memilih sudut pandangnya, dan jalan keluar terhadap masalah yang dihadapinya. Seorang muslim yang berusaha bertakwa di jalan Allah, haruslah bersangka baik pada setiap urusan yang ditentukan oleh Allah dan perlu bersabar dalam mencari penyelesaian yang sesuai dengan tuntutan Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud “kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu dan ingatlah Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahui nya.” (al-Baqarah 2:216)

Golongan LGBT Muslim adalah pada asasnya Islam. Walaupun mereka terjebak dengan perilaku yang bertentangan dengan fitrah, ruang dan peluang harus diberikan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, Badan bukan kerajaan serta orang perseorangan telah melaksanakan pelbagai usaha dan pendekatan dalam menangani isu ini. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) antaranya turut mengadakan beberapa program yang dikendalikan oleh Bahagian Pemulihian Al-Riqab.

Bagi golongan LGBT yang ingin bertaubat, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 hingga 23 November 2006 juga perlu diambil kira. Keputusan muzakarah tersebut telah membincangkan isu **Kekeliruan Jantina Congenital Adrenal Hyperplasia** dan **Testicular Feminization Syndrome**. Keputusan muzakarah adalah seperti berikut:



- a. Bagi kes *Congenital Adrenal Hyperplasia* (CAH) pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal (perempuan) diharuskan oleh Islam kerana ia boleh dilakukan dengan rawatan hormon dan pembedahan.
- b. Manakala bagi kes *Testicular Feminization Syndrome* (TSF), untuk kembali kepada genetik asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan pembedahan, ia adalah diharuskan seligamna perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudharatan samada dari aspek psikologi atau biologi.
- c. Bagi kes *Testicular Feminization Syndrome* yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir mereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testes (sekiranya ada) adalah harus untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami *Testicular Feminization Syndrome* tidak perlu dipisahkan.
- d. Pakar-pakar perubatan perlu memberi penjelasan, bimbingan dan menasihati ibubapa serta individu-individu Muslim yang terlibat dengan kes-kes *Congenital Adrenal Hyperplasia* dan *Testicular Feminization Syndrome* supaya menjalani rawatan bagi mengelakkan permasalahan hukum agama di kalangan umat Islam.

Seterusnya, perkara berikut juga boleh dilaksanakan dalam memastikan perubahan yang dilaksanakan berkesan bagi golongan tersebut:

- a. Bulatkan tekad dan niat untuk berubah
- b. Bertaubat nasuha (tidak akan melakukan dosa tersebut lagi)
- c. Percayakan diri boleh berubah
- d. Melazimi menghadiri majlis ilmu
- e. Mencari persekitaran yang baik (hijrah tempat tinggal)
- f. Mencari pembimbing yang betul (Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri)

Kesimpulannya, isu LGBT hendaklah menjadi perhatian dan dilihat sebagai gejala sosial yang semakin membimbangkan. Jestrui, kita perlu sepakat menyatakan ia satu perkara yang merosakkan agama, masyarakat, negara dan tamadunnya. Walaupun pengiktiraf dan hak golongan ini sebagai seorang manusia tidak boleh dinafikan, namun mereka tidak terlepas daripada disabitkan kesalahan dari segi nilai, fitrah dan syariat agama Islam yang tidak sesekali redha dengan perbuatan dan maksiat yang mereka lakukan. Sehubungan itu, bagi menangkis isu LGBT ini, kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu agama serta memahami dan menghayati tanggungjawab kepada Allah S.W.T, diri dan masyarakat. Walluhua'lham. **Edisi**

Modul Pendidikan Zakat Buat Generasi Baharu di Selangor

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatsselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Selangor perlu sentiasa bersiap dengan perubahan. Status negeri termaju menuntut agar perubahan didepani secara proaktif dan bukannya reaktif. Ini menjadi premis kepada perlunya sebuah anjakan dalam pendidikan zakat di negeri ini.

Sebelum itu, suatu masa dahulu, ya kira-kira 10 tahun sudah, saya pernah membelek-belek buku teks pendidikan Islam anak saya. Buku itu digunakan di Sekolah Rendah Agama atau Sekolah KAFA di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Hati saya terdetik halus. Pada pandangan saya, subjek zakat rasanya kurang mendapat perhatian. Ia berada di penghujung buku. Bermakna, ia antara yang paling akhir akan diajarkan kepada anak-anak. Saya bermonolog: 'Zakat ini rukun Islam ketiga, sepatutnya ia diajarkan di awal silibus.' Selepas solat pastinya.

Selain itu, pendedahan zakat juga bermula dengan Zakat Fitrah. Saya tidak menolak ia penting; namun dalam hierarki zakat, kedudukan zakat harta itu lebih utama. Di dalam al-Quran, ayat-ayat yang menyebut tentang zakat adalah merujuk kepada zakat harta. Bukannya zakat fitrah.

Kerisuan ini berdasas. Pendidikan zakat hakikatnya perlu diperkasakan. Kegagalan berbuat demikian, menyebabkan zakat menjadi ibadah yang 'terpinggir' berbanding ibadah lain yang turut disenaraikan di dalam rukun Islam.

Akuilah, terpinggirnya pendidikan zakat telah pun terbukti selama ini, apabila subjek fiqh zakat menjadi bidang pengajian yang paling langka di masjid dan surau. Susah untuk melihat tajuk 'fiqh zakat' dimasukkan ke dalam jadual pengajian tetap di masjid dan surau. Malah, tidak semua ustaz juga berani mengajar subjek zakat.

Alasannya, zakat adalah ilmu yang fleksibel dan berubah seiring zaman. Fatwanya paling kerap dikemaskini dari semasa ke semasa. Malah, zakat adalah ibadah yang menggabungkan aspek nas dan praktikalitinya melibatkan prinsip perakaunan dan kemahiran numerasi atau matematik.

Ada formulanya dan ada jalan kerja yang wajib dipatuhi. Salah aplikasi, salah memasukkan angka, jawapannya pasti salah. Maka, menguasai zakat bukan sekadar membaca buku teks, atau berguru tanpa latihan. Zakat perlukan kombinasi antara teori dan amali.

Namun begitu, tidaklah bermakna orang awam wajib menguasai zakat sebagaimana para amil yang memang berada di dalam industri zakat. Tidak perlu sehingga mereka pandai mengira zakat perniagaan dengan nilaiasset beratus ribu dan berjuta ringgit.

Juga tidak perlu bagi orang awam untuk menguasai zakat sehingga ke aspek usul fiqhnya. Misalnya, kenapa zakat itu kadarnya 2.5 peratus dan kenapa wajib mematuhi haul dan nisab. Ataupun perbahasan terminologi yang lebih dalam mengenai maksud nafkah, infak dan zakat pada kaca mata syarak. Juga perbahasan fiqh tentang agihannya yang lapan.

Namun memadailah jika orang awam mengetahui dan memahami zakat dari perspektif yang lebih adil. Misalnya, zakat itu rukun Islam ketiga, bukannya keempat. Zakat adalah ibadah bersifat



kemasyarakatan dan bukannya individu. Zakat adalah ibadah di bawah kawalan pemerintah dan bukannya dilaksanakan sesuka hati. Zakat itu ada fatwa dan peraturan yang wajib ditaati.

Hakikatnya, kesan lebih serius telah pun menimpa umat Islam, apabila majoriti orang dewasa muslim tidak begitu memahami zakat. Ramai yang merasakan cukup sekadar menunaikan zakat fitrah, ataupun puas sekadar memberikan sedekah. Malah, tidak sedikit pula yang tidak menunaikan zakat lantaran kejahilan.

Akuilah juga, memang ramai dalam kalangan muslim dewasa yang tidak tahu pun berapa jumlah rukun zakat, sedangkan mereka hafal rukun solat yang tiga belas perkara itu. Ramai umat Islam dewasa tidak tahu, bahawa zakat wajib bagi anak-anak kecil yang belum baligh. Malah zakat wajib bagi orang yang gila atau sudah hilang akal.

Kenapa? Ya, kerana mereka masih terikat dengan syarat wajib ibadah lain seperti solat, puasa dan haji yang menetapkan syarat akil (berakal) dan baligh. Malah, ramai juga yang berkeras mahu melafazkan akad zakat; sedangkan status akad zakat hanyalah harus. Tanpanya zakat tetap sah.

Masa berjalan terus. Lembaga Zakat Selangor (LZS) pun terus mencari jalan, agar perkara ini dapat diperbaharui dan tidak tinggal beku begitu sahaja. Di peringkat LZS sendiri, sejak tahun 2017 seiring dengan penubuhan Divisyen Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan (kini bertransformasi menjadi Divisyen Syariah dan Dakwah), LZS sudah pun bersedia dengan menyiapkan sebuah buku silibus lengkap pendidikan fiqh zakat.

Silibus itu disiapkan dengan menggunakan tenaga pakar dalam LZS yang sekian lama bergelumang dengan teori dan amali zakat. Malah silibus itu disiapkan dengan rujukan yang banyak. Pendeknya, LZS sudah bersedia untuk bila-bila masa menjadikannya sebuah rujukan bagi pihak mana pun.

Akhirnya, sekitar tahun 2019, inisiatif LZS nampak mulai membawa hasil. Perbincangan demi perbincangan serius dengan JAIS membawa bantuan bibit-bibit kejayaannya. Akhirnya JAIS bersetuju membentuk satu kumpulan tenaga pakar dan berpengalaman, yang diketuai oleh Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir, Mufti Negeri Selangor bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Projek ini akhirnya telah berjaya menghasilkan sebuah set buku pendidikan zakat yang dinamakan Modul Pendidikan Zakat Selangor. Buku ini merupakan silibus yang lebih komprehensif bagi pendidikan fiqh zakat di Selangor. Ia kelak akan dijadikan teks wajib bagi pendidikan zakat di seluruh sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah kelolaan JAIS.

Alhamdulillah. Ia adalah suatu anjakan besar dalam mendepani keperluan pendidikan zakat bagi generasi muda di negeri termaju ini. Mudah-mudahan dengan inisiatif kerdil ini, ia mampu matatjahah kebaikan yang lebih besar dalam pelaksanaan zakat di Selangor Darul Ehsan untuk tahun-tahun yang mendatang. Demi ummah yang lebih mapan dan lestari dalam kemakmuran pastinya, amin.

Wallahu'lam. **Edisi**

BAIT AL-MAWADDAH - PUSAT JAGAAN WARGA EMAS

Oleh: Ahmad Firdaus bin Muhammad (firdaus@mais.gov.my)
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

Kompleks Warga Emas Bait Al-Mawaddah telah ditubuhkan pada tahun 2014 oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi memberi perlindungan kepada warga emas golongan asnaf yang terbiar. Ia dibina di atas sebidang tanah wakaf milik MAIS seluas 3 ekar di Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam dengan kos pembinaan sebanyak RM3 juta. Bait Al-Mawaddah bermaksud Rumah Kasih Sayang.

Ia merupakan salah satu usaha LZS menyantuni golongan warga emas dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di Selangor yang hidup sebatang kara atau mempunyai waris, namun tidak berkemampuan untuk menjaga mereka. Melalui pusat jagaan ini, warga emas diberikan tempat perlindungan yang selesa, lebih teratur dan dilengkapi prasarana serba lengkap dan mesra warga emas. Disamping itu, terdapat program-program yang dilaksanakan seperti senaman pagi, aktiviti kraftangan, memasak serta aktiviti kerohanian agama yang meliputi kelas fardhu ain dan ceramah agama.

OBJEKTIF PENUBUHAN

- Memberi perlindungan, pengawasan, pemulihan dan pembangunan diri yang berkesan kepada warga emas yang tergolong daripada fakir dan miskin yang tidak terbelia.
- Memberi jagaan dan rawatan kepada warga emas demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.
- Menjaga kebajikan penghuni pusat penjagaan warga emas dengan baik.
- Mewujudkan persekitaran yang sihat, cergas, ceria, harmoni, kasih sayang serta kondusif dalam kehidupan warga emas.



Bait Al-Mawaddah ini juga dilengkapi dengan 26 buah bilik yang mampu menempatkan sehingga 52 orang penghuni pada satu-satu masa. Turut juga disediakan kemudahan klinik, bilik fisioterapi, surau, bilik kuliah, dewan makan dan taman serta landskap untuk para penghuninya.

Berkonsepkan Baiti Al-Jannati (Rumahku Syurgaku), pusat jagaan ini menekankan enam aspek utama iaitu membina kebahagiaan, meningkatkan daya intelektual, memastikan penjagaan kesihatan, menghidupkan suasana penghayatan Islam, keselesaan, dan dipenuhi suasana penyayang serta ukhuwah sesama penghuni.

Secara rasminya pada tanggal 27 September 2016, Duli Yang Maha Mulia, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj merasmikan Pusat Jagaan Warga Emas Zakat Selangor dan dikenali dengan nama Bait Al-Mawaddah. **Edisi**

SYARAT KEMASUKAN

- Islam - Pemohon mestilah beragama Islam.
- Fakir Miskin - Mestilah merupakan asnaf fakir miskin yang berdaftar di Lembaga Zakat Selangor.
- Berusia 60 tahun ke atas - Warga Emas merujuk individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Boleh Menguruskan Diri Sendiri - Kemasukan warga emas tersebut mesti sihat tubuh badan, tidak terlantar dan boleh menguruskan diri sendiri.



HADHANAH:

Hak Penjagaan Kanak-Kanak

Susunan Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat
 Sumber: <http://www.esyariah.gov.my/>

Soalan: **Assalamualaikum wrm wbt, Siapakah orang yang berhak menjaga kanak-kanak?**

Jawapan:

Waalaikumussalam wrm wbt, Seksyen 81, Akta [303],

1. Tertakluk kepada Seksyen 82, ibu adalah yang paling berhak daripada segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.



Soalan: **Apakah syarat-syarat menjadi hadinah/penjaga?**

Seksyen 82, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] memperuntukkan bahawa syarat-syarat menjadi hadinah ialah:

- a. dia adalah seorang Islam;
- b. dia adalah sempurna akal;
- c. dia berumur yang melayakkan dia memberikan kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- d. dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiyah; dan
- e. dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Soalan: **Berapa lamakah tempoh penjagaan kanak-kanak yang ditetapkan oleh undang-undang?**

1. Seksyen 84(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] memperuntukkan



bahawa hak hadinah bagi menjaga seseorang kanak-kanak tamat apabila kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan hadinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

2. Setelah tamatnya hak hadinah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (mumaiyiz), maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Soalan: **Bagaimanakah hendak memfailkan hadhanah di Mahkamah Syariah?**

Failkan kes di Mahkamah Tinggi Syariah di mana kita bermastautin atau dapatkan khidmat guaman daripada Peguam Syarie di Biro Bantuan Guaman atau swasta. **Edisi**

PUSAT JAGAAN NUR HASANAH

Oleh: Muhammad Syafiq Bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mempunyai Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang berdaftar di bawah MAIS dalam membantu menjalankan fungsinya terutama yang melibatkan kebajikan dan sosial ummah Islam di Negeri Selangor. 10 kluster telah diwujudkan bagi menjalankan fungsi-fungsi yang melibatkan sosio ummah di Negeri Selangor.

Antara kluster yang hendak diketengahkan dalam Edisi kali ini ialah cluster Kebajikan Fakir dan Miskin. Di bawah cluster ini terdapat 11 pertubuhan dan persatuan yang telah didaftarkan di bawah MAIS. Persatuan yang nak diketengahkan dalam Edisi kali ini ialah Pusat Jagaan Nur Hasanah.

Putus Jagaan Nur Hasanah ini telah ditubuhkan pada September 2006 yang berperanan menempatkan pesakit-pesakit lelaki yang terdampar dan miskin dan tiada tempat tinggal, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, dan Saudara Baru. Mereka ini kebanyakannya dibawa oleh orang awam ke hospital untuk mendapatkan rawatan dan ditinggalkan di hospital.

Selain itu, pusat ini juga memenuhi keperluan sementara (transit) pesakit-pesakit yang miskin dan tidak berkemampuan serta tidak mempunyai saudara-mara. Pesakit-pesakit ini yang menerima rawatan jangka panjang tidak memerlukan mereka tinggal di dalam wad kerana ini akan mengakibatkan kepadatan wad dan akan terdedah kepada risiko jangkitan penyakit.

Antara aktiviti utama pusat jagaan ini adalah khidmat kaunseling, bimbingan keagamaan dan kerohanian, bimbingan dan didik spiritual serta emosi, kemahiran tangan dan latihan fisioterapi. Pusat Jagaan Nur Hasanah sedia menerima sumbangan daripada individu, sektor korporat dan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan. Sumbangan anda layak dikecualikan dari cukai pendapatan (Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967). [Edisi](#)



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



MANGSA BANJIR TERUS DISANTUNI – Sumbang 100 Set Toto dan Selimut

JANUARI 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terus menyantuni mangsa banjir dengan menyerahkan sumbangan toto dan selimut sebanyak 100 set sekitar Kampung Perepat dan Sementa Klang. [Edisi](#)



Pendaftaran Syahadah Itu Mudah

JANUARI 2022 – Alhamdulillah minggu pertama di tahun baru, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kehadiran Puan Inna Anak Dollah daripada masyarakat Orang Asli Suku Mahmeri bagi melafazkan kalimah syahadah dan membuat pendaftaran pengislaman. [Edisi](#)



MAIS Sertai Program Inisiatif Mengakhiri Aids Anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Januari 2022 – Alhamdulillah, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyertai Program Inisiatif Mengakhiri Aids melalui kerjasama Pintar 'GO-NGO' Model Klinik Kesihatan (KK) 2.0 Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. [Edisi](#)



MAIS, JABATAN HAL EHWAL ISLAM SELANGOR, AGENSI DAN ANAK SYARIKAT LAWAT MANGSA BANJIR SUNGAI LUI – Agih bantuan barang elektrik dan dana kewangan berjumlah RM32,150.00 dalam Program Tautan Kasih MAIS

JANUARI 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), menyampaikan bantuan keperluan elektrik dan dana kewangan berjumlah keseluruhan RM32,150.00 kepada mangsa-mangsa banjir yang terjejas di Kampung Sungai Lui dalam Program Tautan Kasih MAIS dengan kerjasama Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat. [Edisi](#)

MAIS TAWAR KHIDMAT GUAMAN ATAS TALIAN SECARA PERCUMA – Lancar K-GUAM, platform konsultasi perundungan Sivil dan Syariah

JANUARI 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menawarkan khidmat guaman atas talian secara percuma kepada orang ramai dengan melancarkan K-GUAM bagi memudahkan masyarakat mendapatkan khidmat nasihat perundungan syariah dengan lebih mudah dan pantas melalui platform atas talian. [Edisi](#)



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Waris Bersyukur Arwah Suami Ada Meninggalkan Wasiat

FEBRUARI 2022 – Alhamdulillah, telah berlangsungnya sesi pembacaan wasiat oleh pegawai kami Ustaz Mohd Fadhil bin Said, Eksekutif Teknikal, Unit Operasi, Bahagian Harta Baitulmal MAIS bersama waris-waris iaitu isteri dan seorang anak lelaki di kediaman mereka di Seksyen 9 Shah Alam. [Edisi](#)

Agihan Fidyah MAIS Diteruskan RM56,000.00 Diagih Kepada 560 Penerima Yang Layak Di Daerah Hulu Langat, Kuala Selangor Dan Sabak Bernam

FEBRUARI 2022 – Alhamdulillah, MAIS telah mengagihkan sumbangan fidyah kepada 560 keluarga yang layak di daerah Hulu Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam dengan nilai sumbangan berjumlah RM56,000.00. [Edisi](#)



Majlis Amanat Pengarah Tahun 2022 Dan Perhimpunan Bulanan Warga Kerja JAIS

FEBRUARI 2022 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), telah mengadakan Majlis Amanat Pengarah Tahun 2022 dan Perhimpunan Bulanan Warga Kerja JAIS bertempat di Auditorium Dahlia Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



Pelancaran Program 1 Person 1 Quran (1P1Q)

JANUARI 2022 – Program 1P1Q adalah sebagai menyokong usaha Pengumpulan Dana Wakaf al-Quran Negeri Selangor (Pasca Banjir) yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 5 Januari 2022. Sebanyak RM1.5 juta diperlukan bagi membiayai pembelian 50,000 mushaf al-Quran. Tragedi banjir di Negeri Selangor baru-baru ini telah menjelaskan 124 masjid dan surau, 55 buah sekolah agama dan 29 maahad tahliz. Tidak termasuk kerosakan mushaf al-Quran di rumah kediaman persendirian. [Edisi](#)




Delegasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Ke Jabatan Agama Islam Selangor

JANUARI 2022 – Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menerima kunjungan daripada Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). [Edisi](#)



Kursus Penggunaan Google Apps Bil. 1/2022.

FEBRUARI 2022 – Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) melalui Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat (PLPTM) telah menganjurkan Kursus Penggunaan Google Apps Bil.1/2022 bertempat di Makmal Komputer ILDAS bermula dari 14 hingga 16 Februari 2022 (Isnin hingga Rabu). [Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



LZS Sedia Bantuan Pasca Banjir Bantu Asnaf Fakir Dan Miskin

JANUARI 2022 –

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan bantuan pasca banjir bagi meringankan beban keluarga asnaf fakir dan miskin yang terkesan dengan banjir besar yang berlaku di Selangor pada tahun lepas. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Bumbung Terbang Dipukul Ribut

JANUARI 2022 – Kejadian ribut mengakibatkan bumbung bahagian dapur rumah Puan Rasimah ‘terbang’.

Kami turun ke lokasi sejurus mendapat perkhabaran duka ini untuk menyampaikan sumbangan bencana kepada Puan Rasimah Mohd Noh di Kampung Pasir, Kerling Hulu Selangor. [Edisi](#)



YIDE Rancang Kerjasama Strategik Bersama PiTAS

JANUARI 2022 – Yayasan

Islam Darul Ehsan (YIDE) mengadakan pertemuan bersama Persatuan Institusi Tahfiz Al Quran Negeri Selangor (PiTAS) di Wisma Hafiz. [Edisi](#)



38 Pelajar Orang Asli Terima Manfaat Kasihku Zakat Selangor

FEBRUARI 2022 – Lembaga Zakat Selangor (LZS)

bersama dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyerahkan 38 buah telefon pintar kepada pelajar asnaf di perkampungan orang asli daerah Hulu Langat dalam satu program penyerahan Kasihku Zakat Selangor yang diadakan di sini. [Edisi](#)



YIDE Segera Bantu 2 Keluarga Mangsa Ribut

JANUARI 2022 - Yayasan

Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menghulurkan sumbangan kecemasan berbentuk Kit Penjagaan diri dan wang tunai kepada dua buah keluarga mangsa ribut dan angin kencang. [Edisi](#)



YIDE Terima Sumbangan MBI Dan Anak Syarikat RM 75,000.00 Untuk Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah

FEBRUARI 2022 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menerima

kunjungan delegasi daripada Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan anak-anak syarikat ke Ibu Pejabat YIDE yang diketuai oleh En. Daud Bin Abdul Rahman, Ketua Kluster Penciptaan Nilai MBI. [Edisi](#)

Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



Konvokesyen Ke-24 : KUIS Raikan 38 Graduan Terbaik

JANUARI 2022 – Seramai 38 graduan menerima Anugerah Pelajar Terbaik di mana lima daripadanya merupakan pelajar terbaik fakulti (prasiswazah) dan 33 menerima hadiah terbaik bagi program-program pengajian (prasiswazah) sempena Majlis Konvokesyen KUIS Kali Ke-24 yang sedang berlangsung dari 24 hingga 29 Januari 2022 di Pusat Konvensyen KUIS. [Edisi](#)



Mesyuarat Kakitangan Bil 1/ Tahun 2022

JANUARI 2022 - Telah diadakan Mesyuarat Kakitangan Bil 1/2022 bertempat di dewan Bicara Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur (MRS Gombak Timur). Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pejabat MRS Gombak Timur iaitu Tuan Muhamad Hisyam Bin Zakaria. [Edisi](#)



Pelancaran Program Cabutan Bertuah Bagi Pengunjung Pusat Sumber Dan Mini Pusat Sumber JAKESS

FEBRUARI 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Pusat Sumber, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (BPPS, JAKESS) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (BPSMP, JKSM). [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



KUIS Ke Arah Pendidikan Mesra OKU

FEBRUARI 2022 – Bagi memperkasakan Pelan Perlaksanaan Dasar Inklusif di peringkat pengajian tinggi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui kolaborasi penyelidikan di bawah Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum. [Edisi](#)

Gotong-Royong EKSA

JANUARI 2021 – Ahli jawatankuasa EKSA Zon Coral di Mahkamah Rendah Syariah Ampang telah mengadakan gotong-royong Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada 8 Januari 2021. Aktiviti ini bertujuan untuk membersihkan seluruh kawasan yang terdapat di Zon Coral. Gotong-royong ini juga merupakan persiapan bagi menghadapi audit EKSA. [Edisi](#)



Perbicaraan Kes Secara Atas Talian

FEBRUARI 2021 – Ekoran pandemik Covid-19, pihak Mahkamah Syariah telah mengambil satu langkah baru iaitu dengan menjalankan perbicaraan secara *online* atau atas talian dan sekaligus ini dapat membantu orang awam agar kes yang telah difailkan dapat diselesaikan dengan segera. Sebagai menyambut baik saranan pihak Jabatan, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur telah menjalankan sesi perbicaraan kes secara atas talian di hadapan Hakim Syarie Tuan Hisyam Bin Zakaria pada 18 Februari 2021 jam 3.00 petang bagi kes tuntutan mut'ah. Kes tersebut diwakili oleh Peguam Syarie dari Tetuan Aml & Associates bagi pihak Plaintiff, manakala Defendant diwakili oleh Tetuan Faiz Adnan & Associates. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Mulai keluaran ini, EDISI akan memuatkan segmen Bahasa Arab mudah untuk orang awam. Selamat membaca!

Pernah kita mendengar orang mengucapkan kalimah 'ahlan wa sahlan' sebelum ini?

Ya, kalimah **أَهْلًا وَسَهْلًا** atau dalam tulisan rumi 'ahlan wa sahlan' bermaksud Selamat Datang.

Kita boleh menggunakan kalimah ini apabila bertemu dengan orang yang baharu kali pertama bersua dengan kita. Kita juga boleh menggunakan apabila meraikan tetamu yang datang ke tempat kita, tidak kira lah orang dekat ataupun jauh. Ia perlulah diucapkan dengan nada yang gembira kerana dapat bertemu dengan orang berkenaan.

Ada juga orang yang akan merangkaikan perkataan 'ahlan wa sahlan' dengan kalimah **مرحباً بكم** atau dalam tulisan rumi 'marhaban bikum' yang membawa makna 'hello' atau 'selamat datang' juga.

Maka, jika kita mahu merangkaikan kedua-duanya adalah dibolehkan.

Jadilah ia **أَهْلًا وَسَهْلًا وَمرحباً بكم** atau dalam tulisan rumi 'ahlan wa sahlan wa marhaban bikum' yang bermaksud 'Hello dan Selamat Datang' dengan penuh rasa takzim kepada orang berkenaan.

Baiklah. Kita sudah boleh menggunakan kalimah ini dalam pergaulan kita sehari-hari. Semoga kita lebih bersemangat memahami Bahasa Arab, bahasa al-Quran dan juga bahasa syurga.

Contoh: 'Ahlan wa sahlan wa marhaban bikum' wahai saudaraku Azlane Karimov ke Malaysia. Bagaimana dengan Ukraine negaramu? Semoga aman damai hendaknya.

Tambahan: Berikut adalah antara kalimah yang elok kita hafal dan gunakan sehari-hari

Bahasa Arab	Tulisan Rumi	Makna
شُكْرًا	Syukran	Terima kasih
وَإِيَّاكَ وَإِيَّاكِ	Wa iyyaka (bagi lelaki) Wa iyyaki (bagi perempuan)	Sama-sama
عَفْواً	'Afwan	Maaf dan boleh juga menjadi sama-sama bagi jawapan terima kasih
صَبَّاخُ الْخَيْرِ	Sobahul khair	Selamat pagi (kepada orang)
صَبَّاخُ النُّورِ	Sobahun nur	Selamat pagi (jawapan balas)
مَسَاءُ الْخَيْرِ	Masa'ul khair	Selamat petang (kepada orang)
مَسَاءُ النُّورِ	Masa'un nur	Selamat petang (jawapan balas)

SIRI BELAJAR JAWI (SIRI KEDUA PULUH LAPAN)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS. (NAMA-NAMA KHAS BAHASA INGGERIS)

Penggunaan istilah Bahasa Inggeris amat sinonim di negara kita. Terdapat perkataan Bahasa Inggeris yang diserap masuk sepenuhnya ke dalam Bahasa Melayu sehingga kita beranggapan perkataan itu asalnya Bahasa melayu seperti perkataan rak, basikal dan bas. Namun, ada perkataan Bahasa Inggeris yang dikekalkan sebutan dan ejaan menurut bahasa sumbernya seperti nama orang, nama tempat dan nama khas yang lain.

Kaedah ejaan nama Khas Bahasa Inggeris, hendaklah dieja mengikut bunyi sebutan Bahasa Inggeris British. Ketepatan bunyi sebutan itu perlu dirujuk dalam *Oxford Dictionary of English* edisi terkini, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* dan *Collins English Dictionary Complete and Unabridged*. Nama-nama rujukan buku ini ada dinyatakan dalam buku "Pedoman Umum Ejaan Jawi", cetakan tahun 2020.

Contohnya:

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
Twitter	تویتر	Washington	وْوشِیقْتَن
Instagram	اینسٹاگرم	London	لنْدَن
Telegram	تيلوگرم	New Zealand	نيو زيلند
WhatsApp	وهتساف	Thailand	تهايـلـانـد
Facebook	فيسبوك	Kentucky Fried Chicken	کيـنـتـاـكـيـ فـريـدـ چـيـكـن
Online	اونـلاـين	McDonald's	مـكـدونـلـدـز
Aeon	اين	Secret Recipe	سيـكـريـتـ رـيمـقـيـ
James Bond	جيـمزـ بـونـدـ	Cold Storage	كـولـدـ ستـورـاجـ
Xavier	زيـفـيرـ	Giant	جاـينـ تـ

Kesimpulannya, cara penulisan Nama Khas dalam Bahasa Inggeris hendaklah dieja mengikut bunyi sebutan Bahasa Inggeris British. Justeru, kita harus merujuk bunyi sebutan tersebut dalam rujukan kamus yang dinyatakan di atas. Ini amat penting, kerana silap sebutan silaplah penulisannya dalam jawi. **Edisi**



Rumah, Harta Musnah Dihanyut Banjir

Mangsa Banjir Tinggal Sehelai Sepinggang

Oleh: Shahrul Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam, MAIS

Mardianis Sulin, 63 tahun hanya mampu termenung seolah-olah bagaikan tidak percaya apabila melihat rumahnya musnah teruk dihanyutkan arus deras dalam sekelip mata akibat banjir kilat.

"Saya hanya tinggal sehelai sepinggang selepas banjir, rumah musnah teruk, barang-barang dalam rumah musnah dalam sekelip mata."

"Tipu kalau kata kami sekeluarga tak tertekan memikirkan harta yang hilang, nak kumpul balik bukanlah mudah, ia adalah rumah peninggalan harta pusaka yang telah lama saya duduki bersama suami walaupun anak-anak saya dah punya rumah sendiri," katanya yang tinggal di Kg Dusun Tua, Hulu Langat ketika ditemui penulis.

Menurutnya, dalam kejadian pada 18 Disember itu, arus deras disusuli rempuhan balak menyebabkan sebahagian struktur rumah runtuh dan kerugian hampir RM200,000.00.

Katanya, limpahan air sungai berlaku setiap kali hujan lebat atau berterusan, namun kejadian pada waktu itu, adalah yang terburuk sejak dia tinggal di sana.

"Kalau air sungai melimpah, itu perkara biasa. Cuma pada hari kejadian selepas maghrib, air semakin tinggi dan rumah di atas mula bergoyang selepas dilanggar balak," ujarnya.

Mardianis berkata, beliau ketika itu bersama tiga orang anak perempuannya tidak sempat menyelamatkan barang-barang yang ada di dalam rumahnya kerana air banjir masuk ke rumahnya terlalu deras dan hampir meragut nyawa keluarganya.

"Risau keselamatan diri, saya menjerit sekutu hati memohon bantuan sebelum saudara saya yang tinggal di belakang rumah membantu mengeluarkan ahli keluarga seorang demi seorang sebelum rumah runtuh," katanya ketika menerima kunjungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menyampaikan sumbangan keperluan makanan di sini pada Sabtu.

Mardianis juga berharap agar beliau sekeluarga dapat menerima bantuan bina rumah dan bercadang membina rumah lebih tinggi atas faktor keselamatan.

BANTUAN MAIS DAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

Mardianis bersyukur apabila menerima bantuan sumbangan keperluan makanan asasi dari MAIS dan bantuan bina rumah dari Lembaga Zakat Selangor (LZS).



Mardianis Sulin (kanan), menerima sumbangan bantuan banjir berupa set makanan asasi yang disampaikan oleh YAD Tan Sri Dato Seri Abdul Aziz Mohd Yusuf, Pengurus MAIS.



Gambar rumah pusaka Mardianis yang ranap akibat banjir.

"Alhamdulillah saya terharu sangat-sangat apabila menerima bantuan ini. Terlalu berat ujian ini, namun saya redha atas ketentuanNya. Terima kasih banyak-banyak buat MAIS dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) atas bantuan yang diberikan, sekurang-kurangnya dapat meringankan beban saya sekeluarga," katanya.

Mardianis menerima bantuan MAIS berupa set makanan asasi seperti beras, tepung, susu, gula dan minyak masak yang disampaikan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengurus MAIS dalam Program Tautan Kasih MAIS, Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat MAIS ke Sungai Lui, Hulu Langat di sini.

Menurut sumber Lembaga Zakat Selangor (LZS), Mardianis juga turut menerima bantuan bina rumah berjumlah RM90,000.00 bagi meringankan beban sekeluarga.

MAIS PERUNTUKAN RM38.1 JUTA BANTU MANGSA BANJIR

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukan sumbangan sebanyak RM38.1 juta bagi membantu mangsa banjir di Negeri Selangor yang terjejas akibat banjir dalam kejadian pada 17 Disember 2021 lalu.

Peruntukan RM38.1 juta itu meliputi peruntukan daripada Baitulmal MAIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Bakti Suci Holding Sdn Bhd serta Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS) iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM37.17 juta diagihkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), RM300,000.00 oleh Yayasan Islam Darul Ehsan dan RM55,000.00 oleh Bakti Suci Holding Sdn Bhd. Masing-masing adalah agensi dan anak syarikat MAIS.

RM250,000.00 pula diagihkan oleh JAIS melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan selebihnya diagihkan oleh MAIS sendiri.

Manakala Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) pula berperanan membekalkan pek makanan asas kepada mangsa banjir di Negeri Selangor di bawah peruntukan MAIS dan LZS.

MAIS amat prihatin dengan keperluan maslahah ummah khususnya di negeri Selangor dan apabila berlaku ujian seperti ini, MAIS agensi dan anak syarikat akan segera memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan. **Edisi**

“HALAL, ADAKAH HANYA PADA SIMBOL?”

Oleh: Hasal bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif (Pembangunan Kompetensi), MAIS

Dalam Islam setiap perkara yang halal mahupun haram telah ditetapkan dalam nas-nas syarak. Hal ini telah dinyatakan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basir bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

“Sesungguhnya perkara yang halal itu sudah dijelaskan dan perkara yang haram itu pun jelas”

Riwayat al-Bukhari

Selain itu, pengguna muslim dituntut untuk memilih makanan yang memenuhi dua kriteria halal dan baik, hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud;

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik”

Berkaitan mana yang perlu diutamakan sama ada membeli produk bukan Muslim yang telah mendapat status logo Halal (JAKIM) ataupun produk Muslim yang rata-rata tiada logo halal (JAKIM). Oleh itu, kami merungkai bahawa semua produk Muslim yang tiada logo halal (JAKIM) tidak boleh dianggap tidak halal mahupun haram. Hal ini kerana status halal tertakluk pada bahan-bahan yang digunakan serta teknik penyediaan yang menepati syarak. Produk makanan umat Islam mestilah daripada sumber bahan mentah yang halal lagi suci. Sebaliknya, sumber bahan mentah daripada haiwan haram mahupun haiwan yang tidak disebelih mengikut hukum syarak, maka jelaslah produk makanan tersebut daripada sumber

yang haram. Sehubungan itu, pengguna Muslim perlu bijak dalam membuat penelitian terhadap bahan-bahan yang dibeli sama ada bebas daripada unsur haram mahupun sebaliknya.


Memang tidak dapat dinafikan, pengguna Muslim mempunyai satu hak untuk memilih barang yang bermutu, berkualiti dan lebih-lebih lagi memilih produk yang terdapat logo halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sehubungan itu, kami berpendapat bahawa pengguna Muslim perlu berpegang pada prinsip yakini produk Muslim halal sekiranya telah jelas produk tersebut bebas daripada unsur haram serta teknik penyediaan yang menepati kehendak syarak. Panduan tersebut terbina atas dasar kaedah fiqh berikut:

“Keyakinan tidak terluput dengan syak”

Namun, sekiranya ragu-ragu terhadap sebarang produk makanan Muslim yang tiada logo halal yang diiktiraf mahupun melihat cara penyediaan yang tidak menepati kehendak syarak seperti penyediaan makanan daripada telur ayam yang tidak dibasuh dan dikhuatiri masih melekat najis maka perlu ditinggalkan. Daripada Hasan bin Ali R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

“Tinggallah apa yang menjadi keraguan kepadamu kepada yang tidak meragukan. Maka sesungguhnya kebenaran itu adalah satu ketenangan dan sesungguhnya dusta itu adalah satu keraguan”.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



JOM BERWAKAF SEKARANG!

SnapNPay

Must turun aplikasi SnapNPay di Google Play atau App Store

Imbas Kad QR

Iai maklumat anda dan terus berwakaf!

QR CODE



WANITA DAKWA DIABAI ZAKAT

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatsselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

23 Februari 2022, berdegar-degar warganet apabila seorang wanita meluahkan rasa tidak puas hatinya di media sosial. Ia pun tular dengan segera. Bukan sedikit, lebih 1.2 juta penonton telah menyaksikannya. Turut diseret sama ialah nama Lembaga Zakat.

“Kak Yana rasa kecewa sangat dengan JKM Perak dan Lembaga Zakat Perak. Dua tahun Kak Yana perjuangkan untuk bantuan ibu Kak Yana, korang memang banyak sangat alasan. Lembaga Zakat pun suruh kitaorang tunggu lagi, tunggu lagi. Nak kita orang tunggu berapa lama lagi. Nak kita orang semua minta bantuan kat gereja ke...?”

Demikianlah antara luahan rasa penuh kecewa Kak Yana. Ia pasti mengundang rasa marah warganet. Apa lagi nama zakat turut terseret. “Dengan enam orang anak yang ditanggung, pendapatan yang tak seberapa, saya tertekan.”

Luahnya lagi penuh emosi. Sehubungan itu, kami warga amil zakat di seluruh institusi zakat Malaysia, telah menerima mesej bertalu-talu. Demikianlah. Jika ada *viral* isu baharu, pasti ramai yang inginkan penjelasan. Tidak kurang juga kadang-kadang ada yang agak emosi, cuba memancing kami dengan soalan dan dakwaan bersifat provokasi.

“Lulus kak. Jangan risau. Lepas *viral*, mesti lulus.”

“Benda macam ini selalu je jadi. Kalau tak ada *cable* dalam, memang susah la nak lepas. Bukan setakat pihak zakat je, pergi la mana-mana ejensi kerajaan...”

“Kalau kau ada sedara, adik-beradik dalam jabatan kerajaan atau pusat zakat, kompom dapat walaupun asalnya tak layak..”

Demikianlah antara komen balas warganet. Andai mahu disenaraikan komen-komen berkenaan, memang ‘koyak’ (istilah warganet bagi menggambarkan tergurisnya emosi) kami warga zakat.

Namun benarkah dakwaan Kak Yana? Ingat, *viral* tidak selalunya mencerminkan senario sebenar. Ibarat drama, ada elemen suspen yang menjadi renyah. Elemen tragedi menjadikan plot lebih dramatik. Namun realitinya, perlulah diselidiki terlebih dahulu.

Bertindak atas aduan, maka pihak-pihak yang berkaitan mula menjalankan siasatan. Akhirnya, terbukti bahawa kenyataan yang sebenar tidaklah seteruk yang diluahkan. Mengikut pendedahan oleh Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kak Yana dan ibunya merupakan asnaf di Wilayah Persekutuan sebelum mereka berpindah ke Perak. Selama tinggal di Wilayah Persekutuan, mereka telah menerima banyak sekali bantuan. Antaranya bantuan perniagaan (2013) sebanyak RM2,000 dan bantuan kewangan bulanan (2015-2016) sebanyak RM250 yang kemudiannya telah dinaikkan kepada RM400 sebulan.

Setelah menikah dengan suami keduanya, bantuan zakat untuk modal perniagaan juga telah diberikan atas nama suaminya (2019) sebanyak RM2,000. Anak-anak mereka turut menerima bantuan persekolahan, iaitu sebanyak RM500 (2019), RM600 (2020) dan RM800 (2021). Malangnya, bantuan persekolahan bagi tahun 2022 tidak dapat diserahkan atas masalah teknikal terkait perpindahan mereka ke Perak yang juga tidak dimaklukan kepada pihak Baitulmal MAIWP.

Ibunya yang sakit pula, sebenarnya merupakan penerima bantuan JKM sebanyak RM350 sebulan, selain turut mendapat rawatan di Hospital UKM, Cheras. Malah beliau turut disantuni zakat oleh MAIWP seperti berikut, iaitu bantuan bulanan RM200 (2013), dan dinaikkan ke RM250 sebulan bagi tahun 2014-2015.

Pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (MAIPk) juga turut menjalankan siasatan. Hasilnya mendapati, benar Kak Yana ada membuat permohonan, namun beliau baharu sahaja menghantar permohonan bantuan zakat pada 3 Februari 2022. Sehubungan itu, MAIPk telah segera menyerahkan bantuan kecemasan RM300 dan akan disusuli dengan bantuan kewangan bulanan bagi ibunya yang sakit.

Kesimpulannya, isu yang *viral* ini walaupun tidak menyentuh Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau MAIS secara spesifik, namun hakikatnya ia telah memberikan citra yang negatif kepada seluruh institusi zakat di Malaysia. Ibarat nila setitik, habis rosak susu sebelanga. Warga maya atau netizen yang tidak diketahui latar belakang mereka, atau boleh jadi merupakan musuh-musuh Islam akan menyusup atas nama samaran, lalu menjadikan isu *viral* ini sebagai batu loncatan dan menghentam institusi zakat.

Maka, berhati-hatilah dalam menerima *viral* di alam maya. Islam mengajar kita untuk bersifat tabayun (menyiasat) kesahihan cerita. Islam juga menyuruh kita bertanya kepada sumber dan pihak yang tahu, agar tidak terjebak dengan dosa.

Wallahu’lam. **Edisi**



Dengan Kerjasama:



K-GUAM

Solusi Perundangan Anda

PERKHIDMATAN KONSULTASI GUAMAN ATAS TALIAN **PERCUMA** bagi Perundangan SIVIL dan SYARIAH



K-GUAM merupakan perkhidmatan **Bantuan Konsultasi Guaman** secara **percuma** berkaitan dengan Perundangan Sivil dan Syariah yang dilaksanakan secara atas talian yang merangkumi:

PERUNDANGAN SIVIL

- Perkahwinan, perceraian dan keluarga
- Hartanah dan Conveyancing
- Buruh dan pekerjaan
- Wasiat dan Probate
- Pemulihan Hutang
- Jenayah

PERUNDANGAN SYARIAH

- Perkahwinan, perceraian dan keluarga
- Hibah, Wasiat, dan Pusaka
- Wakaf
- Jenayah

Perkhidmatan K-GUAM ini adalah merupakan kerjasama antara pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

- 01 Layari laman web MAIS
- 02 Klik setuju
- 03 Isi butiran lengkap diri
- 04 Pilih kategori nasihat perundangan yang anda hadapi
- 05 Pilih medium untuk pihak peguam menghubungi anda
- 06 Anda akan dihubungi segera

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Beragama Islam
- Bermastautin di Negeri Selangor
- Mengisi lengkap borang atas talian

Permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan K-GUAM atau maklumat lanjut berhubung dengan perkhidmatan K-GUAM boleh didapati di laman web MAIS <https://www.mais.gov.my/>



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy

EDISI بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ MAIS

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
Wanita Dakwa
Diabai Zakat
Ms 18



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الجامعة الإسلامية Antarabangsa Selangor
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
DKU002(B)



ASASI | DIPLOMA | IJAZAH SARJANA MUDA | SARJANA | PhD

:PENGAMBILAN SESI JUN & NOV

2022 / 2023

JOM
MASUK
KUIS



SCAN
DI SINI



JOM MASUK KUIS

019 - 389 6937
019 - 226 0746



www.kuis.edu.my

Semudah senyuman

Online
jeZAKAT
selesai



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

LEBIH MUDAH

Bayaran zakat secara 'Online'
di PORTAL LZS dengan menggunakan

KAD KREDIT
ISLAMIK

Mudahnya
tunaikan zakat
jom imbas di sini
atau layari

<https://fpx.zakatselangor.com.my/>

